

Kumpulan Meraih Berkah anjur Program Meniti Shiratal Mustaqim



ANTARA yang hadir dan mendengarkan ceramah di Program Meniti Shiratal Mustaqim di Dewan Kuliah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mei. - Program Meniti Shiratal Mustaqim yang dianjurkan oleh Kumpulan Meraih Berkah berlangsung di Dewan Kuliah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah di sini.

Beberapa orang penceramah dijemput untuk memberikan ceramah khas selama tiga hari berturut-turut.

Di antara penceramah yang diundang ialah dari Kolej Ugama Perguruan Agama Seri Begawan iaitu Dr. Haji Harapandi Dahri; Institut Tahfiz; Pusat Da'wah Islamiah; UNISSA; MUIS dan Kementerian Pendidikan.

Di antara ceramah yang disampaikan ialah Meniti Shiratal Mustaqim yang disampaikan oleh Dr. Haji Harapandi Dahri antara isi kandungannya menjelaskan bahawa maksud Shirat Al-Mustaqim diambil dari bahasa Arab, hampir setiap tarikan nafas diucapkan umat Muslim saat membaca Surah Al-Fatihah yang tiba pada kata 'Tunjukkanlah' (tuntutlah) kami ke jalan yang lurus.

Antara lain juga adalah kajian mengenai dengan Shirat Al-Mustaqim yang dimaksudkan ialah jalan (jambatan) yang terbentang di atas neraka, menaik, mendarat dan menurun untuk menuju ke syurga.



CERAMAH 'Meniti Shiratal Mustaqim' disampaikan oleh Dr. Haji Harapandi Dahri.

Produk buatan Brunei berkualiti tinggi

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, ihsan Nur Adilah Hamzah

JERUDONG, Isnin, 8 Mei. - Ekspo dan Persidangan Inovasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kali pertama dan Pameran China-ASEAN (CAEXPO) Brunei 2017

bertemakan 'Made in Brunei Market Fair' selama tiga hari bermula 7 Mei lepas bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tempatan dan antarabangsa yang mana produk yang dihasilkan



PENGARAH Kreatif Bellary Nature, Dayang Diana Han Yee Theng, semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.



PEMLIK Dear Daffodils Enterprise, Dayang Nur Adilah binti Hamzah.

oleh Brunei adalah berkualiti tinggi.

Pemilik dan Pengarah Kreatif Bellary Nature, Dayang Diana Han Yee Theng, 35 ketika ditemui berkata beliau dan rakan kongsinya, Ted Jee memulakan perniagaan penjualan produk semula jadi seperti balsam untuk anak damit dan anak-anak, krim untuk penyakit kulit gatal dan sebagainya pada tahun 2013.

"Pada masa ini kami mempunyai 40 rangkaian produk yang berasaskan bahan-bahan hijau semula jadi yang sangat selamat digunakan oleh semua pengguna. Setakat ini, kami sangat terkejut dengan sambutan orang ramai yang datang berkunjung ke petak pameran kami adalah sangat-sangat mengalakkan. Kami turut menerima respon yang sangat positif dari para pengunjung," terang Diana.

Sementara itu, pemilik Dear Daffodils Enterprise, Dayang Nur Adilah binti Hamzah, 28 yang berasal dari Lumut berkata beliau sangat gembira dan terkejut apabila jualan sabun beliau habis dalam masa dua

hari.

"Semuanya bermula pada tahun lepas. Saya mempunyai masalah kulit yang sangat sensitif. Pelbagai produk kecantikan telah saya gunakan namun semuanya tidak membuahkan hasil. Dari situlah, saya terfikir untuk membuat sabun sendiri.

Pada mulanya, saya membuat kajian sendiri mengenai pembuatan sabun menggunakan bahan semula jadi dan dari situ saya mempelajari bahawa membuat sabun ini sebenarnya amat mudah. Ia adalah seperti minat memasak. Kreativiti itu datang sendirinya.

Saya kemudian mula membuat sabun di rumah dan juga membuat pembungkusan sendiri menggunakan kantung kertas dengan nama sabun tertera pada bungkusan. Setakat ini, saya mencipta empat jenis sabun iaitu untuk kulit kering, kulit normal, kulit berminyak dan kulit sensitif," ujar Dayang Nur Adilah.

Pada masa ini terangnya, beliau belum lagi mempunyai kedai dan para

pengguna bolehlah menempah sabun yang mereka inginkan secara *online* melalui instagram @deardaffodils.

Beliau seterusnya menyatakan rasa penghargaan beliau kepada Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan DARE kerana telah memberi peluang kepada beliau serta ahli PMKS yang lainnya untuk mempamerkan produk kami kepada pengguna dan pembeli agar memilih serta menyokong produk tempatan selain membina rangkaian yang baik sekaligus membantu pengusaha tempatan untuk berkembang dan meningkatkan potensi eksport mereka ke luar negara.

Beliau turut menyarankan kepada usahawan-usahawan yang lainnya untuk memberanikan diri keluar daripad zon selesa dan berusaha kerana kejayaan bukan terletak kepada mereka yang hanya suka berkata-kata, tetapi terletak kepada diri sendiri.

SR Orang Kaya Besar Emas sambut Israk Mikraj

Berita dan Foto :
Ihsan Zainudin bin Haji Ishak

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Mei. - Sempena memperingati Israk dan Mikraj Junjangan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi sama-sama menyemarakkan acara kebesaran Islam dan menghayati perjalanan Rasulullah yang berlaku dalam satu malam dan penuh bersejarah, Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Emas, Subok, Kluster 4 telah mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj di dewan sekolah berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh Awang Haji Saiafullizan bin Haji Abdullah yang juga turut menerangkan pengertian Israk dan Mikraj serta menyampaikan sesi kongsi sama menunaikan ibadah sembahyang lima waktu serta menghalusi bacaan sembahyang dan menunjuk cara praktikal sembahyang kepada pelajar sekolah tersebut dengan menekankan betapa pentingnya ibadah sembahyang dalam kehidupan



GURU Besar, Dayang Sarimah binti Haji Mina menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar yang memenangi kuiz.

seseorang yang beragama Islam.

Sementara itu kuiz mengenai sembahyang juga dikendalikan oleh Pengerusi majlis, Awang Md. Ali Aruf bin Haji Abdul Rahman.

Pada majlis berkenaan, Guru Besar sekolah, Dayang Sarimah binti Haji

Mina juga telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang kuiz mengenai sembahyang.

Turut hadir guru-guru kanan, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah tersebut.